Pengaruh Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah (PdPR) Secara Dalam Talian ke atas Minat, Emosi dan Mental Murid Melayu dalam Mempelajari Matematik

Raja Lailatul Zuraida Raja Ma'amor Shah[1*], Raja Noor Farah Azura Raja Ma'amor Shah[2], Rawdah Adawiyah Tarmizi[3], Halimatul Nadiah Ja'ffar[4]
[1, 2, 3, 4] Fakulti Sains dan Matematik, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia
[1]lailatul.zuraida@fsmt.upsi.edu.my

Published: 30 December 2022

To cite this article (APA): Raja Ma'amor Shah, R. L. Z., Raja Ma'amor Shah, R. N. F. A., Tarmizi, R. A., & Ja'ffar, H. N. (2021). Pengaruh Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah (PdPR) Secara Dalam Talian ke atas Minat, Emosi dan Mental Murid Melayu dalam Mempelajari Matematik. *Jurnal Peradaban Melayu*, *17*(2), 30–38. https://doi.org/10.37134/peradaban.vol17.2.4.2022

To link to this article: https://doi.org/10.37134/peradaban.vol17.2.4.2022

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji pengaruh pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah (PdPR) bagi mempelajari Matematik secara dalam talian ke atas murid Melayu sekolah menengah dari aspek minat, emosi dan mental. Kajian tinjauan menggunakan borang soal selidik melalui *Google form* telah dijalankan. Seramai 1005 orang murid Melayu Tingkatan Satu hingga Tingkatan Enam, dari sekolah bandar dan luar bandar, telah memberikan maklum balas mereka. Data kajian dalam bentuk peratus bagi setiap item diperoleh hasil *auto generate Google form*. Kajian mendapati sekurang-kurangnya 80.9% murid sangat setuju dan setuju untuk belajar secara bersemuka bagi aspek minat. Sekurang-kurangnya 49.9% murid sangat setuju dan setuju pembelajaran secara dalam talian mengganggu emosi mereka. Dari aspek mental pula, sekurang-kurangnya 60.1% murid sangat setuju dan setuju bahawa mereka suka belajar di sekolah. Oleh itu, guru perlu mempelbagaikan penggunaan aplikasi bagi mempertingkatkan minat murid, memberikan tugasan mengikut kemampuan murid dan mengurangkan mata pelajaran yang dipelajari dalam satu hari bagi mengurangkan tekanan emosi dan mental murid.

Kata Kunci: PdPR secara dalam talian, minat, emosi, mental

PENGENALAN

Covid-19 berpunca daripada virus yang dikenali sebagai coronavirus iaitu satu keluarga besar virus yang menyerang saluran pernafasan dan boleh menyebabkan berlakunya penyakit seperti *Severe Acute Respiratory Syndrome* (SARS) dan *Middle East Respiratory Syndrome-related Coronavirus* (MERS-CoV). Di Malaysia, kes pertama disahkan berlaku pada 25 Januari 2020 dan sehingga kini penyakit tersebut masih menular (Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), 2020). Gelombang pertama pandemik Covid-19 bermula pada 24 Januari 2020 diikuti gelombang kedua pada 27 Februari 2020 dan gelombang ketiga pada 20 September 2020. Pada 16 Mac 2020, Perdana Menteri Malaysia, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, secara rasmi mengisytiharkan perintah kawalan pergerakan (PKP) di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 yang berkuat kuasa mulai 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020 (Berita Harian, 16 Mac 2020).

Pengisytiharan PKP tersebut adalah untuk memutuskan rangkaian Covid-19 dan menyebabkan penutupan semua taska, sekolah kerajaan dan swasta termasuk sekolah harian, sekolah berasrama penuh, sekolah antarabangsa, pusat tahfiz dan lain-lain institusi pendidikan rendah, menengah dan pra-universiti. Sepanjang tempoh PKP berlangsung, terdapat perubahan dari segi pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka kepada pengajaran dan pembelajaran dari rumah (PdPR). Namun begitu, PdPR semasa gelombang kedua pandemik Covid-19 tidak sepenuhnya dilaksanakan jika

dibandingkan dengan gelombang ketiga pandemik Covid-19. PdPR dijalankan sepenuhnya semasa gelombang ketiga pandemik Covid-19 apabila KPM mengeluarkan arahan penutupan semula sekolah bagi negeri-negeri yang melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) iaitu bermula pada 9 November 2020 sehingga hari akhir persekolahan tahun 2020.

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (2020), PdPR boleh dilaksanakan melalui tiga pendekatan iaitu secara dalam talian, luar talian dan *off-site*. PdPR secara dalam talian berlaku apabila adanya capaian internet dan penggunaan peranti seperti komputer riba, telefon pintar atau tablet, yang membolehkan murid belajar secara *real-time* dalam tempoh layar tertentu. Tempoh layar maksimum bagi murid adalah mengikut tahap persekolahan mereka iaitu prasekolah tempoh layar adalah satu jam, sekolah rendah selama satu hingga dua jam, sekolah menengah rendah selama dua hingga tiga jam dan menengah atas adalah tiga hingga empat jam (KPM, 2020). Seterusnya, PdPR secara luar talian pula berlaku apabila murid belajar melalui penggunaan peranti digital tanpa capaian internet. Murid belajar dengan menggunakan buku teks, atau bahan pembelajaran seperti nota pembelajaran dan set soalan latihan yang disediakan oleh guru. Bagi pembelajaran secara *off-site*, kaedah pembelajaran berlaku di lokasi seperti di pusat komuniti atau mana-mana premis yang diisytiharkan sebagai pusat pemindahan sementara akibat bencana atau wabak dan dilaksanakan mengikut Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 8 2016 Garis Panduan Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran Akibat Bencana (KPM, 2020).

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), minat bermaksud kesukaan kepada sesuatu. Pelaksanaan PdPR menyebabkan murid tidak dapat merasai keseronokan semasa belajar yang boleh menjejaskan minat mereka untuk mengikuti PdPR kerana minat murid juga dipengaruhi oleh faktor rakan (Johari & Norsuriani, 2011). Murid hanya dapat berjumpa dengan rakan mereka secara maya semasa belajar sepanjang PdPR berlangsung dan tidak dapat merasai suasana belajar seperti di sekolah semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka. Pendekatan pengajaran yang sama digunakan oleh guru setiap kali PdPR juga memberi kesan terhadap minat murid untuk kekal fokus dan mengikuti sesi PdPR (Mohd Nazri, 19 Jun 2021). Ramai murid mengalami masalah komunikasi semasa belajar secara dalam talian. Situasi ini berlaku disebabkan oleh murid tidak berminat dengan pembelajaran yang dipelajari (Nornizam, 24 Jun 2021).

Seterusnya, emosi merupakan perasaan jiwa yang kuat seperti sedih, gembira dan takut (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007). Suasana PdPR yang membosankan akan mempengaruhi emosi murid kerana mereka tidak merasai keseronokan semasa belajar. Komunikasi dua hala yang sukar diwujudkan semasa PdPR berlangsung juga menyebabkan emosi murid terganggu. Selain itu, kekangan waktu PdPR yang terhad menyebabkan murid sukar untuk bertanya sekiranya mereka mempunyai masalah terhadap kandungan pembelajaran yang dipelajari.

Mental pula adalah berkaitan dengan atau melibatkan akal, pemikiran atau proses intelektual (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007). Menurut Ainol Marhaton (29 April 2021), proses PdPR yang mencabar menyebabkan murid tertekan dan tidak memahami subjek yang diajar oleh guru dan ini boleh menjejaskan pencapaian mereka. Suasana pembelajaran di rumah yang tidak kondusif seperti murid mempunyai adik-beradik yang masih kecil tidak sesuai untuk belajar kerana boleh mengganggu tumpuan murid ketika belajar (Malaysia Now, 20 Januari 2021). Apabila murid tidak dapat menumpukan perhatian mereka semasa belajar, mereka tidak dapat memahami sepenuhnya kandungan pembelajaran yang dipelajari.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji pengaruh pelaksanaan PdPR bagi mempelajari Matematik secara dalam talian ke atas murid Melayu sekolah menengah dari aspek (i) minat, (ii) emosi dan (iii) mental.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian tinjauan menggunakan borang soal selidik secara dalam talian bagi mengumpulkan maklumat yang tepat melalui *Google form* berkaitan pengaruh pelaksanaan PdPR bagi mempelajari Matematik secara dalam talian ke atas murid Melayu sekolah menengah. *Google form* adalah sebuah perisian dalam talian untuk pengguna akaun *Google* bagi membolehkan pengkaji menjalankan tinjauan ke atas kumpulan sasaran. Data kajian dalam bentuk peratus bagi setiap item diperoleh daripada hasil *auto generate Google form*. Kajian tinjauan mendapati 1200 orang murid yang terdiri daripada murid Tingkatan Satu hingga Tingkatan Enam, dari sekolah bandar dan luar bandar, daripada bangsa Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan dan Bajau telah memberikan maklum balas mereka. Daripada bilangan responden tersebut, 1005 murid sahaja yang terdiri daripada murid Melayu. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah borang soal selidik yang dibangunkan sendiri oleh pengkaji. Melalui kajian rintis, nilai *Alpha Cronbach* yang diperoleh ialah 0.89. Menurut Bond dan Fox (2015), nilai *Alpha Cronbach* 0.8 hingga 1.0 adalah sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi. Borang soal selidik ini juga telah mendapat kesahan daripada tiga orang pakar dan mempunyai nilai Indeks Kesahan Kandungan (CVI) iaitu 0.83. Apabila CVI yang mempunyai nilai lebih besar atau sama dengan 0.8, instrumen tersebut mempunyai kesahan yang memuaskan (Davis, 1992).
Borang soal selidik ini terdiri dari tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Jadual 1 menunjukkan bahagian dalam borang soal selidik tersebut.

Jadual 1 Bahagian dalam borang soal selidik

Bahagian	Komponen
Bahagian A	Latar Belakang Responden
Bahagian B	Pengaruh pelaksanaan PdPR bagi mempelajari Matematik secara dalam talian dari aspek minat, emosi dan mental
Bahagian C	Komen dan Cadangan

Bahagian B menggunakan skala Likert lima aras untuk murid menyatakan darjah persetujuan mereka terhadap setiap item yang dikemukakan. Jadual 2 menunjukkan skala Likert lima aras yang digunakan.

Jadual 2 Skala Likert lima aras

Aras	Singkatan	Skor
Sangat Tidak Setuju	STS	1
Tidak Setuju	TS	2
Kurang Setuju	KS	3
Setuju	S	4
Sangat Setuju	SS	5

Data yang diperoleh telah dianalisis dengan melihat kepada peratus maklum balas terhadap setiap item yang dinyatakan.

DAPATAN KAJIAN

Hasil analisis mendapati responden dalam kajian ini terdiri daripada 55.1% murid Melayu dari kategori sekolah bandar dan 44.9% murid Melayu dari kategori sekolah luar bandar. Pembahagian antara responden bandar dan luar bandar tidak mempunyai peratus yang sama rata kerana ia bergantung kepada maklum balas yang diperoleh daripada *Google form*. Terdapat tiga bahagian dalam dapatan kajian mengenai pengaruh pelaksanaan PdPR bagi mempelajari Matematik secara dalam talian ke atas murid Melayu sekolah menengah iaitu dari aspek minat, emosi dan mental ditunjukkan.

Jadual 3 Pengaruh pelaksanaan PdPR dari aspek minat

Bil.	Item	Bilangan (%)				
		STS	**TS**	**KS**	**S**	**SS**
B1	Saya ingin kembali semula ke sekolah kerana saya dapat berjumpa dengan rakan-rakan.	30 (3.0)	23 (2.3)	134 (13.3)	386 (38.4)	432 (43)
B2	Saya ingin kembali semula ke sekolah kerana suasana pembelajaran di sekolah lebih selesa berbanding di rumah.	27 (2.7)	25 (2.5)	136 (13.5)	281 (28.0)	536 (53.3)
B3	Saya ingin kembali semula ke sekolah kerana aktiviti semasa pembelajaran di sekolah lebih berpusatkan murid.	16 (1.6)	19 (1.9)	13 (13.2)	395 (39.3)	442 (44.0)
B4	Saya ingin kembali semula ke sekolah kerana saya suka belajar Matematik secara bersemuka dengan guru.	19 (1.9)	24 (2.4)	91 (9.1)	256 (25.4)	615 (61.2)
B5	Saya ingin kembali semula ke sekolah kerana saya dapat melibatkan diri secara aktif semasa aktiviti pembelajaran.	8 (0.8)	17 (1.7)	113 (11.2)	386 (38.4)	481 (47.9)
B6	Saya ingin kembali semula ke sekolah kerana saya dapat belajar bersama rakan-rakan secara bersemuka.	17 (1.7)	31 (3.1)	66 (6.6)	291 (29.0)	600 (59.7)
B7	Saya ingin kembali semula ke sekolah kerana saya lebih berdisiplin terhadap waktu pembelajaran semasa di sekolah berbanding di rumah.	17 (1.7)	27 (2.7)	100 (10.0)	258 (25.6)	603 (60.0)
B8	Saya ingin kembali semula ke sekolah kerana rakan-rakan sentiasa membantu saya dalam pembelajaran.	21 (2.1)	37 (3.7)	134 (13.3)	349 (34.7)	464 (46.2)

Jadual 3 menunjukkan nilai peratus item B1 hingga B8 dalam aspek minat. Nilai peratus tertinggi bagi setiap item adalah pada aras sangat setuju iaitu pada item B1, sebanyak 43% murid minat untuk ke sekolah kerana dapat berjumpa dengan rakan-rakan, 53.3% murid sangat setuju bahawa suasana pembelajaran di sekolah lebih selesa berbanding di rumah pada item B2, item B3 mendapati sebanyak 44.0% murid suka aktiviti pembelajaran yang berpusatkan murid, sebanyak 61.2% iaitu pada item B4 murid suka belajar Matematik secara bersemuka dengan guru di sekolah, pada item B5, 47.9% murid lebih suka belajar secara bersemuka kerana dapat melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pembelajaran, 59.7% murid suka belajar secara bersemuka bersama rakan-rakan pada item B6, item B7 pula mendapati sebanyak 60.0% murid mengatakan mereka lebih berdisiplin terhadap waktu pembelajaran semasa di sekolah berbanding di rumah dan pada item B8, sebanyak 46.2% murid suka ke sekolah kerana sentiasa mendapat bantuan rakan-rakan dalam pembelajaran.

Jadual 4 Pengaruh pelaksanaan PdPR dari aspek emosi

Bil.	Item	Bilangan (%)				
		STS	**TS**	**KS**	**S**	**SS**
B9	Saya ingin kembali semula ke sekolah kerana ibubapa sentiasa memberi galakan dan dorongan untuk kembali ke sekolah.	54 (5.4)	64 (6.4)	237 (23.6)	346 (34.4)	304 (30.2)
B10	Saya ingin kembali semula ke sekolah kerana saya tidak dapat menyesuaikan diri saya dengan PdPR.	89 (8.9)	99 (9.9)	316 (31.4)	224 (22.3)	277 (27.6)
B11	Saya ingin kembali semula ke sekolah kerana guru-guru sentiasa memberi sokongan positif dalam pembelajaran secara bersemuka.	40 (4.0)	46 (4.6)	194 (19.3)	335 (33.3)	390 (38.8)
B12	Saya ingin kembali semula ke sekolah kerana memudahkan saya berkomunikasi dengan guru jika terdapat sebarang permasalahan.	24 (2.4)	28 (2.8)	127 (12.6)	319 (31.7)	507 (50.4)
B13	Saya ingin kembali semula ke sekolah kerana di sekolah saya mudah untuk bertukar-tukar pendapat dengan rakanrakan berbanding di rumah.	28 (2.8)	42 (4.2)	129 (12.8)	309 (30.7)	497 (49.5)
B14	Saya ingin kembali semula ke sekolah kerana kerja sekolah yang diberikan oleh guru semasa PdPR lebih banyak berbanding kerja sekolah yang diberikan di dalam kelas.	48 (4.8)	48 (4.8)	182 (18.1)	200 (19.9)	527 (52.4)
B15	Saya ingin kembali semula ke sekolah kerana cara penyampaian pembelajaran secara PdPR tidak menyeluruh berbanding pembelajaran secara bersemuka.	30 (3.0)	45 (4.5)	155 (15.4)	283 (28.2)	492 (49.0)
B16	Saya ingin kembali semula ke sekolah kerana pembelajaran secara dalam talian mengganggu emosi saya.	69 (6.9)	85 (8.5)	103 (10.2)	341 (33.9)	407 (40.5)

Jadual 4 menunjukkan nilai peratus item B9 hingga B16 dalam aspek emosi. Nilai peratus tertinggi pada item B9 ialah pada aras setuju iaitu sebanyak 34.4% murid mendapat galakan dan dorongan ibu bapa untuk kembali ke sekolah. Item B10 pula mempunyai peratus tertinggi pada aras kurang setuju iaitu sebanyak 31.4% murid kurang setuju bahawa mereka tidak dapat menyesuaikan diri dengan PdPR. Seterusnya, item B11 hingga B16, nilai peratus tertinggi ialah pada aras sangat setuju iaitu sebanyak 38.8% murid mendapat sokongan yang positif daripada guru-guru dalam pembelajaran secara bersemuka pada item B11, pada item B12 pula, sebanyak 50.4% murid suka pembelajaran di sekolah kerana mudah untuk berkomunikasi dengan guru jika terdapat sebarang masalah, item B13 mendapat sebanyak 49.5% murid suka pembelajaran di sekolah kerana mudah untuk bertukar pendapat dengan rakan-rakan berbanding di rumah, sebanyak 52.4% murid sangat setuju pada item B14 iaitu kerja sekolah yang diberikan oleh guru semasa PdPR lebih banyak berbanding kerja sekolah yang diberikan di dalam kelas, item B15 pula mendapat sebanyak 49.0% murid mengatakan cara penyampaian pembelajaran secara PdPR tidak menyeluruh berbanding pembelajaran secara bersemuka dan pada item B16, sebanyak 40.5% murid sangat setuju bahawa pembelajaran secara dalam talian mengganggu emosi mereka.

Jadual 5 Pengaruh pelaksanaan PdPR dari aspek mental

Bil.	Item	Bilangan (%)				
		STS	TS	KS	S	SS
B17	Saya ingin kembali semula ke sekolah kerana tidak memahami konsep Matematik semasa PdPR.	28 (2.8)	44 (4.4)	182 (18.1)	239 (23.8)	512 (50.9)
B18	Saya ingin kembali semula ke sekolah kerana saya merasakan pembelajaran secara PdPR lebih memenatkan berbanding pembelajaran secara bersemuka di sekolah.	86 (8.6)	83 (8.3)	232 (23.1)	190 (18.9)	414 (41.2)
B19	Saya ingin kembali semula ke sekolah kerana saya lebih faham kandungan pembelajaran yang diajar oleh guru apabila pembelajaran dilakukan secara bersemuka.	14 (1.4)	19 (1.9)	80 (8.0)	225 (22.4)	667 (66.4)
B20	Saya ingin kembali semula ke sekolah kerana saya merasakan pemikiran saya lebih terbuka apabila belajar secara bersemuka di sekolah.	16 (1.6)	25 (2.5)	90 (9.0)	296 (29.5)	578 (57.5)
B21	Saya ingin kembali semula ke sekolah kerana di sekolah saya lebih mudah bertanya soalan pada guru.	27 (2.7)	24 (2.4)	129 (12.8)	307 (30.5)	518 (51.5)
B22	Saya ingin kembali semula ke sekolah kerana di sekolah saya lebih mudah memberi sepenuh tumpuan semasa pembelajaran.	14 (1.4)	23 (2.3)	105 (10.4)	333 (33.1)	530 (52.7)
B23	Saya ingin kembali semula ke sekolah kerana saya lebih mudah menerima ilmu yang disampaikan oleh guru berbanding pembelajaran secara PdPR.	13 (1.3)	22 (2.2)	103 (10.2)	279 (27.8)	588 (58.5)
B24	Saya ingin kembali semula ke sekolah kerana saya dapat mengurangkan tekanan semasa belajar.	53 (5.3)	69 (6.9)	214 (21.3)	296 (29.5)	373 (37.1)

Jadual 5 menunjukkan nilai peratus item B17 hingga B25 dalam aspek mental. Nilai peratus tertinggi bagi setiap item ialah pada aras sangat setuju iaitu sebanyak 50.9% murid pada item B17 sangat setuju mengatakan mereka tidak memahami konsep Matematik semasa PdPR, item B18 pula mendapat sebanyak 41.2% merasakan pembelajaran secara PdPR lebih memenatkan berbanding pembelajaran secara bersemuka, pada item B19, sebanyak 66.4% murid lebih faham kandungan pembelajaran yang diajar oleh guru secara bersemuka berbanding secara dalam talian, sebanyak 57.5% murid merasakan pemikiran mereka lebih terbuka apabila belajar secara bersemuka di sekolah pada item B20. Seterusnya, pada item B21, sebanyak 51.5% murid mengatakan bahawa apabila di sekolah mereka lebih mudah untuk bertanya soalan pada guru, sebanyak 52.7% murid lebih mudah untuk menumpukan sepenuh perhatian semasa pembelajaran di sekolah iaitu pada item B22, item B23 mendapat sebanyak 58.5% murid lebih mudah menerima ilmu yang disampaikan oleh guru apabila di sekolah berbanding pembelajaran secara PdPR dan pada item B24, sebanyak 37.1% murid suka ke sekolah kerana dapat mengurangkan tekanan semasa belajar.

PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian dari aspek minat, murid lebih suka untuk belajar secara bersemuka berbanding secara dalam talian. Murid dapat belajar bersama rakan-rakan dan lebih banyak aktiviti yang dapat dilakukan di sekolah berbanding di rumah (Asrol Awang, 30 April 2021). Semasa pembelajaran secara dalam talian, murid hanya berjumpa dengan rakan-rakan mereka secara maya yang menyebabkan mereka kurang berminat untuk mempelajari Matematik. Johari dan Norsuriani (2011) mengatakan bahawa rakan adalah salah satu faktor murid meminati mata pelajaran Matematik. Selain itu, murid lebih suka pembelajaran secara bersemuka kerana aktiviti yang dijalankan lebih berpusatkan murid serta membolehkan mereka melibatkan diri secara aktif berbanding semasa PdPR. Di antara kelemahan PdPR ialah kurang tarikan dari segi aplikasi dalam aktiviti yang menyebabkan murid merasa bosan dan tidak berminat untuk menyertai pembelajaran tersebut (Abdul Halim, 1 Mac 2021). Dengan itu, murid akan menjadi pasif semasa pembelajaran berlangsung.

Tambahan lagi, pendekatan yang digunakan oleh guru semasa PdPR secara dalam talian yang kurang kreatif menyebabkan murid berasa bosan dan tidak berminat untuk melibatkan diri secara aktif. Guru perlu memperkasakan kaedah PdP secara dalam talian agar dapat mengekalkan minat pelajar supaya tidak berasa bosan dan tertekan (Mahani, 27 Oktober 2020). Ini kerana pada Bahagian C dalam soal selidik, murid mencadangkan agar guru menggunakan pelbagai medium pengajaran yang menarik serta melakukan lebih banyak aktiviti supaya dapat meningkatkan minat murid semasa pembelajaran. Selanjutnya, suasana pembelajaran yang tidak kondusif juga menyebabkan murid tidak dapat memberikan tumpuan sepenuhnya semasa pelaksanaan PdPR secara dalam talian. Oleh itu, ibu bapa perlu wujudkan suasana yang kondusif di rumah untuk anak-anak mereka mengikuti PdPR. Suasana yang kondusif secara tidak langsung meningkatkan tumpuan murid untuk belajar dan membantu mereka untuk berasa lebih seronok ketika belajar (Noradilah, 15 Jun 2021).

Berdasarkan dapatan kajian dari aspek emosi menunjukkan bahawa kebanyakan murid telah dapat menyesuaikan diri dengan PdPR secara dalam talian kerana hampir lebih kurang setahun PdPR ini dilaksanakan. Namun begitu, kesukaran untuk berkomunikasi semasa PdPR secara dalam talian menyebabkan murid lebih suka untuk belajar secara bersemuka di sekolah. Murid sukar untuk bertanya banyak dan dengan lebih lanjut tentang pelajaran yang disampaikan oleh guru. Responden juga ada mengatakan pada Bahagian C dalam soal selidik bahawa apabila mereka bertanyakan soalan kepada guru secara dalam talian, ia mengambil masa yang lama untuk mendapat maklum balas dan kadang kala jawapan yang diterima tidak menjawab persoalan yang ditanya. Ini selari dengan kenyataan Asrol Awang, bertarikh 30 April 2021, yang menyatakan masa yang terhad semasa pembelajaran secara dalam talian menyebabkan jawapan yang diterima mungkin tidak seperti yang diinginkan. Oleh itu pembelajaran secara dalam talian menyukarkan murid untuk bertanyakan soalan secara terus kepada guru terutamanya untuk mata pelajaran yang melibatkan angka dan konsep seperti Matematik (Ainol Marhaton, 29 April 2021).

Murid juga mengatakan bahawa kerja sekolah yang diberikan oleh guru semasa PdPR lebih banyak berbanding kerja sekolah yang diberikan semasa dalam kelas secara pembelajaran bersemuka. Ia secara tidak langsung mempengaruhi emosi murid lebih-lebih lagi apabila mereka tidak dapat menyiapkan kerja sekolah yang diberikan kerana tidak memahami pelajaran yang dipelajari semasa PdPR. Oleh itu, guru perlulah sentiasa berkomunikasi dengan murid dan bertanyakan masalah yang mereka hadapi. Komunikasi yang kerap mampu mengurangkan emosi murid-murid (Nor ‘Asyikin, 3 Mei 2020). Di samping itu, sokongan dan dorongan daripada ibu bapa adalah sangat penting terhadap emosi murid semasa PdPR secara dalam talian. Ibu bapa merupakan sistem sokongan yang paling dekat dengan murid (Noradilah, 15 Jun 2021).

Berdasarkan dapatan kajian dari aspek mental pula menunjukkan bahawa kebanyakan murid tidak dapat menguasai sepenuhnya kandungan pembelajaran seperti konsep-konsep yang diajarkan oleh guru semasa PdPR. Pada Bahagian C soal selidik, ada murid yang mengatakan bahawa guru lebih banyak memberikan latihan berbanding mengajar dan pada masa yang sama pautan URL *Youtube* yang diberikan oleh guru

kadang kala tidak bersesuaian dengan tajuk. Disebabkan itu, murid tidak dapat menghubung kaitkan kandungan video yang diberikan dengan tajuk pembelajaran yang perlu dipelajari. Jadi, dapat dilihat bahawa kemahiran memilih bahan bantu mengajar (BBM) seperti video, kit, modul dan sebagainya yang sesuai untuk diberikan kepada murid adalah sangat penting. Murid-murid akan lebih mudah menguasai kemahiran Matematik sekiranya guru dapat memilih dan menggunakan BBM yang sesuai (Mohd Suhaimi, Noor Shah Saad & Mohd Uzi Dollah, 2017). Malah, murid juga mengakui belajar dengan kaedah PdPR yang mencabar menyebabkan mereka tertekan dan boleh menjejaskan pencapaian mereka (Ainol Marhaton, 29 April 2021).

PENUTUP

Secara kesimpulannya, kepentingan kajian ini adalah untuk mengkaji pengaruh pelaksanaan PdPR bagi mempelajari Matematik secara dalam talian ke atas murid Melayu sekolah menengah terhadap minat, emosi dan mental. Dari aspek minat, murid lebih berminat untuk belajar secara bersemuka berbanding secara dalam talian. Seterusnya, dari aspek emosi, murid menghadapi kesukaran untuk berkomunikasi semasa PdPR secara dalam talian dan dari aspek mental pula kebanyakan murid tidak dapat menguasai sepenuhnya kandungan pembelajaran seperti konsep Matematik semasa pembelajaran dalam talian. Walau bagaimanapun, PdPR perlu dilaksanakan dan merupakan alternatif terbaik untuk dilakukan bagi memastikan pembelajaran dapat diteruskan dan pada masa yang sama rangkaian Covid-19 dapat diputuskan. Oleh itu, pelaksanaan PdPR perlu dimantapkan dari masa ke semasa agar PdP yang berkesan dapat dijalankan. Penambahbaikan yang boleh dilakukan dari aspek minat semasa PdPR ialah guru perlu mempelbagaikan penggunaan aplikasi seperti *ZipGrade, Kahoot, Quizziz, Plickers, Padlet, Quizlet* dan *ClassDojo* (Sistem Guru Online, 1 Februari 2018) bagi menarik minat murid untuk menyertai PdPR yang dijalankan. Pada masa yang sama, elemen permainan dalam pembelajaran perlu diwujudkan agar dapat memupuk minat murid untuk belajar (Nurfazliah, Jamalludin, Shaharuddin & Megat Aman Zahiri, 2015) secara dalam talian.

Seterusnya, dari aspek emosi, guru perlu sentiasa bertanya soalan kepada murid (Kamarul Azmi, Noratikah & Mohd Faeez, 2012) jika mereka mempunyai soalan yang ingin ditanya semasa PdPR secara dalam talian serta melaksanakan pengajaran mengikut kemampuan murid (Mohammad Hafizuddin, 28 Januari 2021). Guru perlu mengetahui kemampuan murid-murid semasa mengikuti PdPR secara dalam talian. Setiap murid mempunyai kecenderungan dan gaya pembelajaran tersendiri dalam mendalami maklumat yang disampaikan oleh guru (Danial Arif, 2020). Selain itu, dari aspek mental pula, murid mencadangkan pada Bahagian C soal selidik agar guru mengulangkaji tajuk yang dipelajari pada kelas PdPR sebelumnya sebelum memasuki tajuk baru agar murid berpeluang untuk bertanyakan soalan jika mereka tidak faham mengenai tajuk tersebut. Tambahan lagi, pengurangan dari jumlah mata pelajaran kurang penting (Bernama, 30 Januari 2021) yang dipelajari dalam satu hari semasa PdPR perlulah dilakukan bagi mengurangkan tekanan kepada murid agar murid dapat menerima pengajaran yang disampaikan pada tahap optimum. Di samping itu, pada ruangan komen Bahagian C soal selidik, murid mencadangkan agar pihak sekolah juga perlu memainkan peranan mereka dengan memperbanyakkan aktiviti yang dapat meningkatkan motivasi dan semangat murid seperti pemberian sijil penghargaan bagi murid yang menyertai PdPR dan aktiviti dari unit Bimbingan dan Kaunseling.

PENGHARGAAN

Kami mengucapkan setinggi-tinggi pengharagaan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) dan Institut Peradaban Melayu (IPM), Universiti Pendidikan Sultan Idris atas Geran GPPWM yang diberikan. Kod penyelidikan bagi geran ini ialah 2021-0020-106-01.

RUJUKAN

Abdul Halim Masnan. (1 Mac 2021). Pembelajaran bersemuka, PdPR perlu seiring. *Berita Harian Online*. Diperoleh daripada https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2021/03/791472/bhplus

Ainol Marhaton Abd Ghani. (29 April 2021). PdPR kurang efektif, pelajar tertekan. *Utusan Malaysia*. Diperoleh daripada https://www.utusan.com.my/ekonomi/2021/04/pdpr-kurang-efektifpelajar-tertekan/

Asrol Awang. (30 April 2021). Murid lebih mudah faham. *Harian Metro.* Diperoleh daripada https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/04/700606/murid-lebih-mudah-faham

Berita Harian. (16 Mac 2020). COVID-19: Kerajaan umum Perintah Kawalan Pergerakan mulai Rabu. *Berita Harian Online.* Diperolehi daripada https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/665949/covid-19-kerajaan-umumperintah-kawalan-pergerakan-mulai-rabu

Bernama. (30 Januari 2021). Kurangkan subjek semasa PdPR, untuk kurangkan stres murid, guru. *Bernama*. https://www.bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1926983 Bond, T. G., & Fox, C. M. (2015). Applying The Rasch Model Fundamental Measurement in the Human Sciences. (Routledge & T. & F. Group, Eds.) (Third Edit). New York & London.

Danial Arif Abdul Muttalib. (2020). Pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza dalam kalangan guru Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah rendah pedalaman kategori 3. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 10*(2), 29-42. http://journalarticle.ukm.my/16194/1/234-449-1SM.pdf

Davis, L. L. (1992). Instrument review: Getting the most from a panel of experts. *Applied Nursing Research*, *5*(4), 194-197.

Johari Hassan, & Norsuriani Ab Aziz. (2011). Faktor-faktor yang mempengaruhi minat terhadap matematik di kalangan pelajar sekolah menengah. *Journal of Science & Mathematics Education*. Diperolehi daripada http://eprints.utm.my/id/eprint/11972/

Kamarul Azmi, Noratikah, & Mohd Faeez. (2012). *Gaya pengajaran guru dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam*. In *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam (SEAPPI2012)* (pp. 221-223).https://www.researchgate.net/publication/293097722_Gaya_Pengajaran_Guru_dalam_ Pengajaran_dan_Pembelajaran_Pendidikan_Islam

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Kesihatan Malaysia. (2020). *Soalan lazim (FAQ) rasmi berkaitan COVID-19.* COVID-19 Malaysia. Diperoleh daripada https://covid-19.moh.gov.my/faqsop/faq-covid-19-kkm

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). *Manual pengajaran dan pembelajaran di rumah*. Diperoleh daripada https://www.moe.gov.my/muat-turun/lain-lain/manual-pdp-dirumah/3727-manual-pdpdr/file

Mahani Ishak. (27 Oktober 2020). PdP dalam talian perlu diperkasa. *Berita Harian Online.* Diperoleh daripada https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/10/746837/pdp-dalam-talianperlu-diperkasa

Malaysia Now. (20 Januari 2021). Beribu murid mula sekolah di rumah dengan masalah sama. *Malaysia Now Online*. Diperoleh daripada https://www.malaysianow.com/berita/2021/01/20/beribu-murid-mula-sekolah-dirumah-dengan-masalah-sama/

Mohammad Hafizuddin. (28 Januari 2021). PdPR: Sediakah guru, ibubapa dan murid hadapinya? *Malaysia Dateline*. Diperoleh daripada https://malaysiadateline.com/pdprsediakah-guru-bapa-dan-murid-hadapinya/

Mohd Nazri Abdul Rahman. (19 Jun 2021). Perbaiki pelaksanaan PdPR 2.0 atasi isu keciciran pelajar. *Berita Harian Online*. Diperoleh daripada https://www.bharian.com.my/kolumnis/2021/06/829593/perbaiki-pelaksanaanpdpr-20-atasi-isu-keciciran-pelajar

Mohd Suhaimi Omar, Noor Shah Saad, & Mohd Uzi Dollah. (2017). Penggunaan bahan Bantu mengajar guru matematik sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia*, *7*(1), 32-46. https://doi.org/10.37134/jsspj.vol7.no1.3.2017

Nor 'Asyikin Mat Hayin. (3 Mei 2020). Mengurus emosi, mental ketika PKP. *Harian Metro.* Diperoleh daripada https://www.hmetro.com.my/sihat/2020/05/573954/mengurus-emosimental-ketika-pkp

Noradilah Md Nordin. (15 Jun 2021). Wujud persekitaran selesa bantu anak fokus ketika PdPR. *Berita Harian Online.* Diperoleh daripada https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2021/06/827995/wujud-persekitaran-selesabantu-anak-fokus-ketika-pdpr

Nornizam Jamal. (24 Jun 2021). Cabaran PdPR atas talian. *The Patriots*. Diperolehi daripada https://www.thepatriots.asia/cabaran-pdpr-atas-talian/

Nurfazliah, Jamalludin, Shaharuddin, & Megat Aman Zahiri. (2015). *Pembangunan berasaskan permainan bagi meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah kreatif dalam matematik*. In: 2nd International Education Postgraduate Seminar (IEPS2015). http://eprints.utm.my/id/eprint/61616/

Sistem Guru Online. (1 Februari 2018). *7 Aplikasi Terbaik untuk PdPc*. Diperoleh daripada https://www.sistemguruonline.my/2018/02/7-aplikasi-terbaik-untuk-pdpc.html